# Zakat ringankan beban keluarga

**▶SHAMSUL JANGARODIN**

PADA Ogos tahun lalu, dunia Mohamad Salleh Thahib musnah ekoran pemergian isteri tersayang.

Episod itu begitu menyentap hatinya kerana baru sebulan sebelum itu, beliau sendiri disahkan doktor sebagai tidak berupaya keluar bekerja kerana pelbagai penyakit termasuk masalah jantung dan paru-paru.

Walaupun ditimpa pelbagai masalah, Encik Salleh, 47 tahun, enggan terus bersedih kerana masih mempunyai dua anak perempuan yang masih bersekolah.

Isterinya meninggal dunia akibat penyakit osteomielitis, sejenis jangkitan pada tulang yang serius, serta masalah jantung dan buah pinggang.

Kini kehidupan mereka tiga beranak tidak lagi serupa seperti tahun-tahun sudah.

Namun selangkah demi selangkah, mereka telah mampu melakukan penyesuaian tanpa kehadiran ibu mereka.

Mujur bagi keluarga Encik Salleh, bantuan zakat dari Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) yang diterima keluarga mereka sejak 10 tahun lalu, juga membantu meringankan beban kewangan mereka.

Anaknya, Putri Nadiya Isabella, 13 tahun, dan Putri Amylya Isabella, 10 tahun, kini memainkan peranan dalam menguruskan hal ehwal rumah serta menjaga kesihatan bapanya.

Akibat masalah kegemukan yang agak kronik, Encik Salleh tidak dapat berjalan dan perlu menggunakan kerusi roda untuk bergerak. Beliau juga perlu makan pelbagai ubat yang diberikan doktor.

Menurut Encik Salleh, anak bongsunya, Putri Amylya, sudah "seperti jururawat peribadinya."

"Dia ingat nama semua ubat saya, dan dialah, dengan bantuan kakaknya, menyusun ubat-ubat saya" kata Encik Salleh.

Setiap hujung minggu, mereka bertiga ke pasar untuk membeli keperluan dapur.

Ada kalanya, beliau masak sendiri – sambil menggunakan kerusi roda – dan ada masanya pula, anak sulungnya, Putri Nadiya, akan cuba memasak "apa yang arwah mak saya ajar dahulu."

Selain bantuan zakat, Encik Salleh juga menerima bantuan subsidi dari hospital.

Seminggu sekali, seorang ahli terapi perubatan akan berkunjung ke flat dua biliknya di timur laut Singapura untuk membantu pulihkan pergerakannya.

Dua bulan sekali, seorang jururawat pula akan datang untuk melakukan pemeriksaan jika Encik Salleh tidak dapat pergi ke hospital.

"Alhamdulillah, duit zakat yang saya terima digunakan untuk duit pasar, pembiayaan sekolah anak-anak dan kos pengangkutan awam," kata Encik Salleh.

Selain itu, beliau juga bersyukur pihak pegawai pembangunan sosial (SDO) dari Masjid Al-Mawaddah di Sengkang yang menguruskan kes beliau banyak membantu keluarganya lebih-lebih lagi setelah isterinya meninggal dunia.

"Duit CPF arwah isteri pun kami masih belum dapat proses sebab saya tak tahu bagaimana uruskannya. Adik-beradik pun tak dapat bantu sebab mereka pun tak tahu.

"Mujur ada pegawai-pegawai dari Muis yang dapatkan salinan-salinan dokumen untuk bantu proseskan," kata Encik Salleh.

Kini harapan beliau ialah memastikan anak-anaknya mendapatkan bimbingan agama yang secukupnya.

"Tiap-tiap hari anak-anak akan tanya bila boleh sambung belajar agama.

"Insya-Allah dengan bantuan masjid dan orang-orang di sekeliling saya, saya akan daftarkan mereka semula dalam masa terdekat ini.

"Alhamdulillah, terima kasih kepada pembayar zakat yang telah membantu keluarga saya teruskan kehidupan kami," kata Encik Salleh.

▶ *Shamsul Jangarodin ialah penulis sambilan.*



**JAGA AYAH:** Putri Nadiya *(kiri)* dan Putri Amylya sama-sama sentiasa menjaga pemakanan ubat ayah mereka, Encik Salleh Thahib. – Foto MUIS

## CARA PEMBAYARAN ZAKAT/FITRAH

**SECARA TUNAI ATAU CEK**

a) Di Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), 273 Braddell Road, Singapura 579702. Cek harus dipangkah dan bayaran ditulis atas nama Muis.

b) Di masjid-masjid iaitu Pusat-Pusat Pungutan Zakat Bertauliah yang dilantik Muis.

c) Bayaran Zakat Fitrah dan Zakat Harta boleh dibuat melalui Nets atau CashCard di stesen-stesen AXS yang terletak di serata Singapura.

**SECARA ONLINE MELALUI ENETS DEBIT**

Sila lungsuri laman www.zakat.sg.

**SECARA ANSURAN BULANAN MELALUI GIRO**

Muat turun borang Giro di www.zakat.sg, isi dan hantarkan kepada Muis.

**INSTITUSI KEWANGAN – EKSKLUSIF UNTUK PELANGGAN**

a) Portal CIMB Clicks
b) Akaun Al-Wadiah OCBC
c) DBS/POSB
i. ATM
ii. Perbankan Internet di https://internet-banking.dbs.com.sg
ii. Aplikasi telefon Bijak DBS, POSB atau PayLah!

# Kongsi gambar kenangan, persiapan Raya, menang hadiah




PEMBACA akhbar ini dan pengikutnya di media sosial boleh menyertai kempen media sosial Berita Harian menjelang Hari Raya Aidilfitri yang akan berlangsung sehingga 9 Jun.

Menggunakan 'hashtag' #betulbetulraya dan #beritahariansg, kempen kali ini mengundang pembaca berkongsi gambar dan kenangan indah membuat persiapan menjelang Aidilfitri serta menyambut Lebaran bersama masyarakat, jiran, teman, keluarga dan orang tercinta.

Mungkin anda pernah berkunjung ke rumah saudara-mara ketika Singapura dilanda banjir dahulu, atau terpaksa mengejar ayam untuk disembelih pada malam Raya.

Atau mungkin anda akan menyambut Aidilfitri dengan kehadiran 'orang baru' dalam keluarga atau mempunyai ilham bagi hiasan lampu lap lip yang unik tahun ini.

Apa pun kenangan itu, pastinya ia cukup istimewa bagi anda dan Berita Harian mengundang anda berkongsinya.

Cara menyertai kempen ini mudah.

Anda hanya perlu memuat naik gambar kenangan menyambut Syawal atau membuat persiapan menjelang Aidilfitri di akaun Instagram atau Facebook anda menggunakan 'hashtag' #betulbetulraya dan #beritahariansg serta tuliskan kapsyen untuk menerangkan gambar itu.

Kempen ini berlangsung sehingga 9 Jun.

Di akhir kempen ini, empat gambar terbaik akan dipilih untuk memenangi hadiah menarik tajaan Audio House dan Ariston.

Keputusan penganjur adalah muktamad.













